

## KRITIKAN SASTERA SEBAGAI WACANA ESTETIKA: ANTARA PEGANGAN MUHAMMAD HAJI SALLEH DENGAN TEORI NORTHROP FRYE

Abu Hassan Hasbullah

---

Wacana retorikal kritik Muhammad Haji Salleh bergerak daripada aturan-aturan pengalaman, penyelidikan, pengamatan, pemelajaran, dan penelitian serta emosi sejarah dalam dirinya. Muhammad Haji Salleh bergerak secara tradisional walaupun dalam setiap patah perucapan kritiknya terasa mainan wacana retorikal yang begitu tinggi, yang dikuatkan oleh kata-kata yang indah.

Northrop Frye meletakkan kerja kritikan itu sebagai *a structure of thought and knowledge existing in its own right*. (Frye, 1957: 5). Maksudnya, kritikan bukannya suatu amalan melepaskan perasaan dan keinginan peribadi, tetapi merupakan suatu rangkaian disiplin yang melibatkan proses pemikiran. Proses pengaklunan, penelitian, perbandingan, pembezaan, pengukuhan dan penilaian adalah sebahagian daripada kerja yang berlaku dalam kritikan. Demikian yang dijelaskan oleh Muhammad Haji Salleh apabila beliau menyatakan kritikan sastera sebagai suatu contoh adalah "suasana karyanya supaya dapat menyalin kehidupan, penulis pasti berdialog dengan sekelilingnya, dengan pohon-pohon di kampung dan hutan yang tidak jauh darinya, dengan rentak cuaca, waktu dan musim dan bunyi-bunyi yang selalu kedengaran suatu bayang yang jelas" (Muhammad, Mac 1991: 33).

Pemikiran Muhammad Haji Salleh dalam kritikkannya, "Wira Melayu Tradisional", jelas memperlihatkan suatu gaya perucapan retorikal yang kritikal yang bertolak daripada sejarah. Pengamatan dan pembicaraan beliau berkembang dengan sejarah kepahlawanan wira-wira kerajaan Melayu Melaka yang dikaji dan diteliti daripada teks *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuah*. Muhammad Haji Salleh kemudiannya menyatakan, wira tradisional Melayu yang tunggal dan teragung, tidak syak lagi ialah Hang Tuah. Ini dibuktikan dengan alasan (logos) bahawa sepanjang zaman, kehebatan dan keperwiraan Hang Tuah dipersembahkan oleh pengarang Melayu baik dalam cereka, puisi, drama, filem, mahupun penulisan-penulisan deskriptif, meletakkan Hang Tuah sebagai suatu lambang keagungan sehingga terbina suatu frasa: *Takkan Melayu Hilang di Dunia*.

Muhammad Haji Salleh, dalam kritikkannya ini, melihat bahawa teks-teks *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuah* adalah suatu pemikiran yang ditulis dalam bentuk fiksiyen, yang secara retorikalnya berfungsi sebagai *theory of modes* seperti yang dinyatakan oleh

Northrop Frye. Penulisannya, perucapannya, dan pemikiran kepengarangannya bergerak di sekitar watak-watak utama tersebut. Muhammad Haji Salleh menjelaskan bagaimana pengarang *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Hang Tuah* telah menghidupkan watak Hang Tuah dengan semula mungkin, secara meletakkan mitos-mitos kekuatannya, menambahkan kepadatan dongeng keperwiraannya.

Tuah digambarkan sebagai manusia yang mempunyai kekuatan luar biasa dan bersifat keperwiraan. Dia merupakan semacam manusia *superman*, seorang perwira yang menghancurkan musuh dalam perjuangan, pertarungan atau pertandingan. Dia boleh diperbandingkan dengan Hercules, Ulysses atau Rama kecuali daripada keturunan rakyat biasa. Sifat keperwiraannya ini mengisi sebahagian besar *Hikayat Hang Tuah*. Kahandalannya mengatasi manusia biasa. Sifat-sifat ini terdapat pada wira yang ideal dan melambangkan *genious* orang Melayu. (Muhammad, 1986: 27-8).

Perucapan kritikan Muhammad Haji Salleh cuba mengupas konsep dan teori gerak daya dalam penulisan *Sejarah Melayu*, *Hikayat Hang Tuah*, dan beberapa karya tradisional yang lain. Ini memperlihatkan pegangan Muhammad Haji Salleh terhadap wacana retorikal fiksyen tradisional bahawa *fictions, therefor, may be classified, nor morally, but by the hero's power action*. Kritikan sastera Muhammad Haji Salleh yang mengupas kedudukan dan fungsi wira Melayu tradisional telah berjaya menemukan kita dengan wacana-wacana kritikan tradisional yang lebih jelas.

Pemerhatiannya terhadap keperwiraan, kewiraan, dan keunggulan watak dalam karya sastera bukan sahaja menampakkan kehebatan peribadi watak Hang Tuah, atau kejelekan Hang Jebat, tetapi Muhammad Haji Salleh berjaya menghubungkan nilai-nilai diri watak tersebut dengan wacana yang dituntut oleh masyarakat hari ini. Pengalaman sejarah Hang Tuah dan Hang Jebat dijadikan suatu kajian untuk menghasilkan suatu kaedah pemikiran, suatu bentuk pemikiran, dan suatu hasil untuk manusia Melayu hari ini mencontohinya. Dengan kata lain, Muhammad Haji Salleh cuba melihat kehebatan dan kesilapan itu bagi menyediakan suatu pimpinan baru untuk diteladani oleh masyarakat hari ini.

Sebagai seorang wira, Hang Tuah dalam tanggapan Muhammad Haji Salleh memenuhi kriteria retorikal. Pertamanya, *superior in kind*, yakni Hang Tuah dimitoskan sebagai satu-satunya wira Melayu yang serba istimewa dengan memiliki kekuatan fizikal, sifat kepimpinan, kesetiaan, dan personaliti yang menarik. Keduanya, *superior in degree*, yakni Hang Tuah sebagai *the typical hero of romance* (Frye, 1957: 33) yang berhubung mesra dengan manusia sekelilingnya, sebagai rakyat biasa yang penuh sopan santun dan susila mulia, dan berkawan rapat dengan masyarakat sekelilingnya tanpa mengira darjat dan pangkat. Sifat-sifat mulia wira dibincangkan dengan teliti, dibicarakan sepenuhnya sehingga terasa tidak ada buruknya dalam diri Hang Tuah itu. Ketiga, *superior in degree to other men but not to his natural environment*, iaitu wira tersebut diletakkan sebagai ketua, sebagai pemimpin besar. Keempat, *superior neither to other men nor to his environment*, iaitu wira adalah sebahagian daripada masyarakat yang diwakilinya. Hubungan wira ditampilkan dalam hubungan kemanusiaan yang tinggi dengan masyarakat kelilingnya. Kelima, *inferior in power or intelligence* kepada seluruh masyarakatnya. Kehebatan, kebijaksanaan wira dianggap sebagai suatu nilai yang akan dipegang dan dicontohi oleh orang di sekelilingnya.

Wacana-wacana yang diperjelaskan oleh Northrop Frye tersebutlah yang menjadi penekanan penting Muhammad Haji Salleh dalam kritikan yang lebih berbentuk *historical criticism* kerana kritikan itu menekankan *modes* yang terdapat dalam sesuatu karya.

---

## KRITIKAN SASTERA SEBAGAI WACANA ESTETIKA

---

Memenuhi konsep *fictional modes* yang lebih kepada perbincangan tentang keperwiraan dan keistimewaan watak utama, yakni hero, Muhammad Haji Salleh tidak pesimis sama sekali meletakkan Hang Tuah sebagai suatu nilai estetika dan mitos kesusasteraan Melayu yang menjadi petunjuk kepada nilai dan kekuatan Melayu.

Sebagai seorang pengucap kritikan yang matang dan intelektual, Muhammad Haji Salleh mengheret elemen-elemen retorikal sebagai penguat kepada perucapan kritikkannya. Gaya kritik yang banyak kepada analisis deskriptif dengan penilaian dibuat selepas penerangan tentang tema karya yang dibincangkan ini memenuhi konsep wacana retorikal yang tidak memisahkan estetika sebagai suatu kepentingan dalam makna kritikan. Dengan kata lain, perucapan kritikan Muhammad Haji Salleh dipenuhi teori-teori retorikal dan puitika sebagai suatu simbol pemikiran yang jelas; dan Muhammad Haji Salleh berpegang kepada teori retorik kritikan sebagai suatu genre apabila dalam keempat-empat teks kritikkannya terlihat beliau berpegang kukuh pada simbol-simbol puitika dan retorik.

...poetic symbol as intermediate between event and idea, example and precept, ritual and dream, and we have finally displayed it as Aristotle's Ethos, human nature and the human situation, between and made up of mythos and dianoia, which are verbal imitations of action and thought respectively.

Dalam teks kritikkannya "Wira Melayu Tradisional", Muhammad Haji Salleh mengemukakan keseluruhan mitos kekuatan dan keperwiraan Hang Tuah. Bagi beliau, Hang Tuah sendiri digambarkan sebagai wira yang lengkap dan paling sempurna. Penampilan kesempurnaan dan keistimewaan wira ini dibincangkan dengan jelasnya oleh Muhammad Haji Salleh sebagai suatu perucapan tentang bentuk hero Melayu. Hal ini demikian kerana konsep retorikal dalam fiksyen sejarah begitu penting sebagai wacana yang dipelihara oleh pengarangnya.

Namun begitu, pandangan kritis Muhammad Haji Salleh tidaklah terikut dengan mitos perjalanan Hang Tuah. Muhammad Haji Salleh melihat peristiwa dan pengalaman *absurdity* wira secara sentimental dan kemudiannya keadaan tersebut dibahaskan sebagai *ironic modes* seperti yang dikatakan oleh Northrop Frye. Misalnya, tipu helah yang dilakukan oleh Hang Tuah untuk mengalahkan Taming Sari dan ketika mengalahkan Hang Jebat dilihat sebagai kebolehan akal budi dan ketajaman fikiran Hang Tuah menguasai suasana. Dari sudut yang lain, terasa bahawa Tuah seolah-olah menindas perasaan dan rasa hatinya dengan mengikut keperluan semasa dan kehendak raja yang disetiainya, sehingga penipuan itu melanggar emosi dan rasa belasnya, bahkan kelihatan Hang Tuah berfikir atas prinsip kesetiiaannya sehingga Hang Tuah kelihatan sebagai manusia yang dikuasai oleh orang lain.

Pemutusan retorikal seperti ini dibuat oleh Muhammad Haji Salleh kerana nilai mitos Hang Tuah itu kadangkalanya melampaui nilai realiti manusia. Walaupun hal itu mungkin berlaku, rasional imitasinya sukar untuk diterima. Bahkan, Muhammad Haji Salleh sendiri mengakui ada nilai pemikiran yang menentang logikal tindak laku manusia dalam pembinaan mitos dan *hero's power* Hang Tuah. Wacana penting dalam kritikan Muhammad Haji Salleh yang condong ke arah kritikan sejarah ini ialah penekanannya terhadap mitos hero Melayu tersebut dalam konteks *fictional modes*.

Sesungguhnya Hang Tuah adalah manusia yang simple yang tidak diresahkan oleh kerumitan emosi atau konflik intelektual. Dia terlalu simple buat keadaan yang kompleks yang harus dihadapinya. Persoalan dan percibaraan intelektual tentang rasa hati amat jauh dari kebolehan dirinya. Dia mempunyai tugas dan tugas ini dilaksanakannya. (Muhammad, 1986: 35).

Namun Muhammad Haji Salleh sebagai pengkritik tidaklah memihak kepada Hang Tuah. Beliau cuma menjelaskan naratif sejarah Hang Tuah dalam bentuk penilaian retorikal yang mengangkat sebahagian peranan dan khidmat Hang Tuah yang dianggap sebagai mitos kekuatannya dan manusia Melayu. Hal ini demikian kerana secara kritis, Muhammad Haji Salleh menilai Hang Tuah sebagai gagal apabila Hang Tuah lupa akan keistimewaan dirinya yang telah rosak akibat obsesi yang kuat pada tugas dan khidmat kepada raja sehingga Hang Tuah sanggup membunuh Hang Jebat dengan tipu helah.

Kita memperuntukkan penilaian dan analisis secara pemenggalan terhadap teks kritikan sastera Muhammad Haji Salleh kerana genre kritikan Muhammad Haji Salleh yang begitu berbeza. Fahaman wacana retoriknya bukan sekadar bergerak di atas prinsip retorikal dalam pengkaedahan dan penciptaan kritiknya, tetapi pengaklunan pemikirannya yang tertumpu pada wacana kemanusiaan watak karya dan manusia dalam karya dan manusia dalam karya yang begitu luas dan *thematic: ethical in the sense of relating to character, the hero, the hero's society, the poet and the poet's readers*. (Frye, 1957: 53).

Paling jelas, Muhammad Haji Salleh tidaklah terlalu menyebelahi Hang Jebat memandangkan beliau juga manusia Melayu yang hidup dalam zaman moden. Perbandingan ciri-ciri keperwiraan Tuah – sikap setia, sikap patuh pada apa-apa sahaja arahan, kemuliaan diri dan kesopanan tatasusila, keberanian, kehebatan dalam berfikir dan merencana – diterima sebagai suatu sikap yang perlu ada dalam skematik wira Melayu. Namun konsep keadilan yang diperbahaskan, dan konsep ini dipegang oleh Hang Jebat.

Perbandingan Tuah dan Jebat dalam menemukan wacana pemikiran wira Melayu dalam kesusasteraan Melayu menemukan suatu keseimbangan. Apa-apa yang dimiliki oleh Hang Tuah, turut dimiliki oleh Hang Jebat, dalam konteks *superior in kind, superior in degree to other men and his environment, superior neither to other men nor to his environment, inferior in power or intelligence* (Northrop Frye), cuma yang membezakan mereka ialah nilai *absurdity*. Hang Tuah dengan nilai kesetiiaannya yang tidak bertepi, dan Hang Jebat dengan nilai kebebasan manusia yang mesti berfikir tentang kedudukannya, yang berdebat dengan dirinya dan akal budinya serta keadaan sekelilingnya. Oleh sebab itulah, Muhammad Haji Salleh menganggapkan Hang Jebat hidup bebas mengikut keadaan, desakan dan nafsunya.

Secara keseluruhannya, wacana yang cuba dibincangkan oleh Muhammad Haji Salleh dalam perucapan retorik kritiknya ini adalah tentang tema manusia menentang *establishment* dan ketidakadilan. Perlakuan Hang Jebat sehingga dia diletakkan sebagai seorang pemberontak dan penderhaka bukanlah suatu penentangan merebut kuasa seperti yang biasa difahami. Pemberontakan Hang Jebat menggenggam keakuannya, menentang manusia dan keadaan yang dianggapnya menyelereweng. Tema inilah yang diperkatakan dalam *Sandera* melalui watak Busad, yang memperlihatkan suatu pemikiran yang tidak dibelenggu oleh kepercayaan dan prinsip diri yang lemah.

Suatu makna yang dapat diambil daripada penjelasan Muhammad Haji Salleh untuk

diletakkan pada retorik kritikan ialah:

Suatu nilai yang penting dipegang dalam perucapan kesusasteraan ialah prinsip kemanusiaan; kemanusiaan yang bererti keupayaan manusia memikirkan keadaan, suasana, diri sendiri dan keliling dalam suatu proses pengamatan dan penilaian yang meletakkan matlamat kesempurnaan hidup sebagai dasar pandangan kritik. Hal ini samalah dengan pembawaan kritik Jebat yang kini hidup dalam jiwa anak-anak muda yang perasa, dalam jiwa penulis dan intelektual. Jebat ialah pelindung orang Melayu dan anak cucu mereka. *Its hero does not necessary have any tragic hamartia or pathetic obsession: He is only somebody who gets isolated from its society.* (Frye – 1957: 41).

Perbincangan tentang kedudukan mitos Hang Tuah dan keupayaan mitos Hang Jebat menyekat keperwiraan mitos Hang Tuah melalui penilaian kritis Muhammad Haji Salleh, secara langsung menemukan pemikiran beliau dengan pemahaman makna retorik itu sendiri. Northrop Frye menjelaskan *rhetoric has from the beginning meant of two things: ornamental speech and persuasive speech*. Perucapan ornamental atau perucapan penghiasan mementingkan keindahan dan keunikan pertuturan dan sikap kritis manusia. Karya kesusasteraan sebagai contoh yang memiliki struktur *hypothetical verbal* dan bergantung pada keupayaan proses pengaklunan fikiran peribadi akan memperlihatkan suatu bentuk perucapan yang bermain dengan gaya bahasa.

Penekanan pada gaya bahasa ketika melaksanakan perucapan kritiknya merapatkan hubungan ornamental itu dengan Muhammad Haji Salleh, dan sudah pastinya wacana yang dipegang kukuh oleh beliau ialah estetika. Estetika akan menghubungkan prinsip ornamental dan pembujukan ini di samping penekanan pada wacana retorik umum yang sedia diperdebatkan iaitu nilai kemanusiaan dan hubungannya dengan pemikiran pengarang.

Seorang pengarang pengkritik, pengkarya, dan intelektual sastera mahupun ahli falsafah dan ahli sejarah memainkan peranan yang hampir sama. Itulah penilaian yang dapat dibuat daripada perucapan kritikan Muhammad Haji Salleh. Seorang pengarang yang kritis akan menghubungkan wacana kemanusiaan itu tanpa menolak wacana estetika sebagai inti pengukuhan suara kemanusiaannya. "Seorang penulis itu juga menulis dengan masyarakat serta konsep-konsepnya". (Muhammad, Mac 1993: 32). Muhammad Haji Salleh menegaskan, nilai retorikal pada karya sastera yang mesti dicungkil oleh pengkritiknya ialah rangkaian baris hujahnya, rima, dan kata-kata.

Konsep sastera (yang terdokong dalam prinsip retorik pembujukan) sama dengan konsep keindahan (yang terlibat dengan konsep sastera secara dekat) adalah landas dasar yang menentukan rupa bentuk, baris bahan, dan bahasa karya. Paling menarik dalam perucapan kritikan Muhammad Haji Salleh ialah pengadaptasian dan penjeraitan idea kritiknya. Beliau membincangkan teori dengan bentuk-bentuk dan konsep-konsep seni dan sastera tradisional. Sebagai pengkritik, Muhammad Haji Salleh menggerakkan intuisi pemikirannya dan hubungan idea kritiknya dengan bentuk-bentuk kesenian dan kesasteraan sedia ada seperti dalam penglipur lara, dalang, tukang cerita dan wakil-wakil masyarakat.

Kenapa Muhammad Haji Salleh kelihatan begitu tradisional? Muhammad Haji Salleh mengakui yang perlu dikritik, dikupas dan diperucapkan bukan kehodohan, kebodohan, dan kejelekan penulisan itu. Subjek dan wacana yang perlu dilihat adalah tentang

bagaimana pengarang sebagai pemerhati masyarakat mengisi segala keadaan keliling ke dalam ideanya dengan bentuk-bentuk artistik yang meletakkan prinsip keindahan, estetika, pembujukan sebagai suatu cara mencapai makna kritis tersebut. Sudah tentu pengisian retorikal akan menggabungkan kepentingan manusiawi dan kepentingan retorik itu sendiri.

Sebagai suatu disiplin pemikiran yang penting, kesusasteraan, kritikan sastra dan retorik kritikan adalah bersifat antarabangsa dan menyeluruh. Adakah kritikan sastra Melayu dan sastra Melayu selama ini berlegar di dunia Melayu yang sempit? Muhammad Haji Salleh pada awal-awal pandangannya menolak kedudukan ini. Tuah dan Jebat bukan sekadar sebagai suatu hikayat tentang orang Melayu, tetapi tentang seluruh Nusantara dan antarabangsa. Ini ditegaskan oleh Muhammad Haji Salleh dalam ucapannya ketika menerima anugerah Sasterawan Negara yang menyebut:

Berpuluh-puluh karya lisannya seperti *Hikayat Terung Pipit*, *Si Tenggang*, dan *Nakhoda Manis* membawa bukti bahawa bangsa Melayu berada di antara dunia yang lebih lebar dengan bangsa yang berbagai-bagai. Kita pernah tegak di antara mereka dan dihormati sebagai kuasa agung dan manusia yang berilmu. (Muhammad, Jan 1992: 41).

Muhammad Haji Salleh dengan cukup bukti dan kekuatan hujahan, mengangkat emfasis dan tesis pemikirannya bahawa wacana kesusasteraan dan kritikan sastra Melayu yang penting adalah bagaimana manusia pengarang Melayu menghubungkan pemerhatian, penelitian dan pengamatannya terhadap latar keadaan, kehidupan manusia sekeliling, tuntutan diri dan masyarakat, kepentingan budaya, agama dan negara dalam suatu perucapan kritis yang menarik. Kritis dan menarik ini adalah sifat estetika Melayu yang bergerak dari ciri-ciri estetika tradisional, yang dengan sebab *pathosnya*, yang diperkaya dengan sifat duka lara, derita sengsara dan *ethos* air mata sebagai suatu bentuk genre sastra Melayu. *Through such an analysis we may come to realize that the two essential facts about a work of art, that it is contemporary with its own time and that it is contemporary with ours, are not opposed but complementary facts.* (Frye, 1957: 51). Mungkin daripada prinsip inilah Muhammad Haji Salleh mengintuisikan pemikiran kritiknya.

Dalam teks kritikan *epeideicticnya*, Muhammad Haji Salleh menekankan, wacana yang perlu dilihat oleh pengarang dan pengkritik Melayu ialah “kenyataan dan tradisi kita menganugerahkan keluarbiasaan yang tidak dimiliki oleh budaya lain. Cara kita melihat dunia kehidupan, cara berfikir, dan ungkapan lisan atau bertulis adalah unsur-unsur yang mungkin mengunikan sastra kita.” (Muhammad, Jan 1992: 42).

Saranan dan ajakan retorik Muhammad Haji Salleh agar pengarang, penulis, khalayak sastra dan ilmuwan Melayu tidak berbicara dan menampilkan pemikiran dari ruang sempit Melayu adalah suatu hal yang bersamaan dengan retorik sebagai suatu disiplin tentang ilmu yang merangkumi segala bidang dan jurusan. Cuma, genre kesusasteraan dalam wacana pemikiran Muhammad Haji Salleh digerakkan oleh prinsip-prinsip tradisional yang melibatkan pengamatan terhadap *modes* sejarah, simbol dan mitos dalam dunia tradisi Melayu.

Segala elemen dan entimem tradisi mesti diaklun (ditaakuli) dan dikupas untuk menghilangkan keraguan tentangnya terutama, tentang estetika dan nilai hidup ketika itu. Dalam mengupas puisi Baha Zain, Muhammad Haji Salleh bertindak sebagai “penceroka”, menggeledah dan meruntunkan segala tradisi yang ada, sehingga bertemu dengan prinsip

---

## KRITIKAN SASTERA SEBAGAI WACANA ESTETIKA

---

sempurna diri kemanusiaan Baha Zain yang suci dalam perucapan puisinya.

Wacana pengucapan retorikal Muhammad Haji Salleh dalam teks kritik epeidektiknya menegaskan bahawa segala unsur mitos kekuatan Melayu harus dilihat sebagai suatu teori retorik kritikan yang penting. Estetika unik pantun dan seloka yang meletakkan unsur-unsur kekuatan diksi dan gaya sebutan ritma dan rima memainkan peranan perucapan maksudnya. Unsur-unsur mitos wira yang dipertontonkan melalui Hang Tuah dan Hang Jebat yang saling bersifat bertentangan dan bershaluan atas perkaraa-perkara sosial mesti dibangkitkan sebagai tema kemanusiaan sastera Melayu. Unsur-unsur duka lara, kesedihan, kesengsaraan, kepedihan hidup dan mala petaka yang terpapar dalam sekian banyak kisah hikayat, syair dan gurindam boleh dikekalkan sebagai suatu teori estetika retorik Melayu, yang tidak dipengaruhi nilai-nilai hedonis dan dekaden Barat. Mungkin inilah yang diperucapkan oleh Muhammad Haji Salleh sebagai *catalogue raisonne* retorikal kritikan dan sastera Melayu itu.

Apakah wacana retorikal kritikan Muhammad Haji Salleh? Suatu hal yang menarik dibincangkan, dan berfungsi sebagai emfasis retorikal ialah idea pemikiran Muhammad Haji Salleh yang percaya sepenuhnya pada kekuatan wacana mitos wira Melayu, keindahan nada dan bentuk pantun atau syair, dan estetika tema duka lara hikayat Melayu. Inilah wacana yang diperliharanya dalam setiap kritikan sasteranya.

Mungkin atas kekuatan ini, dalam keseluruhan esei dan perucapan kritikan Muhammad Haji Salleh, nada dan rentak perucapannya seperti mengheret nada dan rentak pantun serta *Syair Bidasari*. Ketegasan dan keyakinannya terhadap persoalan kemanusiaan dan keindahan sebagai suatu bentuk wacana yang lebih utama dalam persoalan kritikan, sehebat laungan tentangan Jebat ketika membela Tuah dalam *Hikayat Hang Tuah*, dan *pathos* atau emosi Muhammad Haji Salleh terheret bersama duka nestapa cerita-cerita hikayat dan lipur lara dan terasa suatu estetika perucapan yang mendesak perasaan kita dan mengubah *ethos* dan *logos* kita selama ini. Analisis percaya mitos estetika dalam bentuk-bentuk tersebut menjadi pengaruh kuat dalam pemikiran Muhammad Haji Salleh.

The connection of myth with assumed history, already mentioned... it means that they have been written in the only form which can address a reader in the present tense, as something confronting him with an imperative rather than revealing a mystery out of the past. Myth, in short, is the only possible language of concern, just as science, with its appeal to evidence, accurate measurement, and rational deduction, is the only possible language of detachment. (Frye, 1967: 40).

Penilaian keseluruhannya, kekuatan perucapan kritikan sastera Muhammad Haji Salleh adalah kesan daripada perucapan ideanya yang bertolak dari mitos *catharsis* (jelira seni) yang mengheret, mengupas dan membincangkan duka sengsara sebagai alat pembujukan estetika yang paling memuaskan dalam kritikan. Keupayaan mitos estetika seperti ini menjadi *holy spirit* (nyata sempurna) dalam kesusasteraan Melayu dan wacana retorikal kritikan itu sendiri. Ini kerana konsep-konsep kemanusiaan seperti yang dijelaskan mengangkat teori tentang *seraphim* (unsur-unsur kedukaan) dan *cherubim* (unsur-unsur kebahagiaan) (Frye, 1957: 145) sebagai penguat wacana Muhammad Haji Salleh. Unsur-unsur yang difahamkan oleh Northrop Frye sendiri sebagai *the genre is determined by the conditions established between the poet and his public* yang menjadi garis perucapan analisis ini.

Perucapan pengukuhan Muhammad Haji Salleh tersebut menjelaskan wacana retorikal adalah suatu wacana yang melihat keseluruhan rangkaian stasis-stasis pemikiran pengarang. Alam diri psikologi pengarang, alam diri sosiologi masyarakat, politik dan ekonomi serta pemerhatian-pemerhatian terhadap alam dan warna dunia adalah hujahan-hujahan yang akan diperhatikan oleh manusia pengkritik ketika menilai dan meneliti karya-karya sastera sebagai suatu subjek kritikan. Muhammad Haji Salleh yang percaya sepenuhnya kepada mitos estetika dan genre tradisional Melayu yang terletak pada erti kata dan kedudukan kata-kata yang menggambarkan perilaku pengarang untuk dipindahkan kepada pengamatan khalayaknya. Semua unsur retorikal tradisional ini dianggap oleh Muhammad Haji Salleh sebagai kekuatan idea sastera Melayu itu. Dengan sendirinya, Muhammad Haji Salleh mempamerkan kekuatan kritiknya dari pemikiran retorikal estetika dan humanis yang cukup tinggi.

Muhammad Haji Salleh adalah pelukis rasa yang gunakan perasaannya dan tanda-tanda. Tanda-tanda yang berselerak di bumi dan pada manusia dikutip oleh Muhammad sebagai tanda-tanda bersama dirinya yang dicari. (Anuar, Sept 1992: 75).

### **Bibliografi**

- Anuar Nor Arai. 1992. "Muhammad Haji Salleh: Protes Dirinya yang Berlagu" dlm. *Dewan Sastera*, (September).
- Baha Zain. 1986. "Dari Kertas Catatan Tengah Malam: Perjalanan Dalam Penghuni Kota Kertas Tandas", dlm. *Cermin Diri: Esei-esei Kesusasteraan*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Frye, Northrop. 1957. *Anatomy of Criticism*. Princeton, New Jersey: Princeton University Press.
- Frye, Northrop. 1967. "Literature and Myth", dlm. James Thorpe (ed.), *Relations of Literary Study: Essays on Interdisciplinary Contributions*. New York: Modern Language Association of America.
- Kassim Ahmad (ed.). 1986. *Hikayat Hang Tuah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Haji Salleh. 1986. "Wira Melayu Tradisional", dlm. *Cermin Diri: Esei-esei Kesusasteraan*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Muhammad Haji Salleh. 1989. "Unsur-unsur Teori Dalam Kesusasteraan Melayu dan Nusantara", Bahagian Keenam, *Dewan Sastera*, (Jun).
- Muhammad Haji Salleh. 1991. "Duka Sengsara Yang Indah: Estetika Melayu Dari Duka Alam". *Dewan Sastera*. (Mac).
- Muhammad Haji Salleh. 1992. "Sastera Melayu Di Ambang Dunia", *Dewan Sastera*, (Januari).